

UPM bantu keluarga pelajar maut

Kuala Lumpur: Universiti Putra Malaysia (UPM) membantu dan memberi sumbangan kepada keluarga dua pelajarnya yang terbabit dalam nahas bas di Genting Highlands, Rabu lalu.

Kedua-dua pelajar Sains Komputer di peringkat ijazah itu, Sia Chin Shin, 22, dari Johol, Negeri Sembilan dan Kwan Chin Yii, 22, dari Segamat, Johor terbunuh bersama 35 lagi penumpang bas itu dalam kejadian 2.45 petang, selepas bas ulang-alik yang dalam perjalanan dari Genting Highlands ke Kuala Lumpur terjunam ke dalam gaung sedalam 60 meter di KM3.5 Jalan Genting Highlands.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) universiti itu, Prof Dr Mohamad Shatar Sabran berkata, UPM menyumbang RM3,000 kepada setiap keluarga bagi pengebumian kedua-dua pelajar itu.

UPM menyampaikan RM400 wang tunai daripada Tabung Kebajikan Pelajar universiti itu kepada keluarga pelajar terbabit. - BERNAMA